

BAB KETIGA

FAKTOR-FAKTOR BERLAKU PEMINJAMAN DI DALAM BAHASA ARAB

BAB 3: FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA PEMINJAMAN DI DALAM

BAHASA ARAB.

Sebelum dijelaskan faktor-faktor berlakunya peminjaman perkataan asing ke dalam bahasa Arab, perlu disebutkan di sini sejarah ringkas tentang berlakunya peminjaman, kerana ianya berkait rapat dengan faktor-faktor yang akan dijelaskan nanti.

3-1 SEJARAH RINGKAS PEMINJAMAN.

Pada hakikatnya peminjaman ini berlaku sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Ianya akan berlaku secara berterusan selama mana adanya faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlakunya peminjaman tersebut.

Pada zaman sebelum Islam, orang-orang Arab telah bertemu dan bergaul dengan berbagai-bagai bangsa, sama ada dengan bangsa-bangsa yang hidup berhampiran dengan mereka seperti bangsa Sāmiyat, atau pun dengan bangsa-bangsa yang hidup jauh dengan mereka seperti bangsa Farsi dan Rum.

Walau bagaimanapun pertembungan di antara mereka di zaman sebelum kedatangan Islam merupakan pertembungan yang begitu terhad, kerana kehidupan orang-orang Arab di Semenanjung Tanah Arab pada ketika itu adalah jauh dari kesan-kesan bangsa lain. Begitu juga keadaannya dengan bahasa mereka yang tidak begitu meluas atau tidak banyak

berlaku pertembungan dengan bahasa-bahasa lain kecuali dalam keadaan yang tertentu dan begitu terhad seperti melalui perhubungan perniagaan dengan perantaraan qafilah-qafilah mereka. Tambahan pula, perilaku setengah kalangan mereka yang suka mengagung-agungkan dan bermegah-megah dengan bahasa mereka sendiri.⁽¹⁾

Oleh sebab itu kemasukan kata pinjaman ke dalam bahasa Arab di zaman sebelum Islam ini boleh dikatakan sedikit sekali. Ia hanya lebih tertumpu kepada perkara-perkara yang tidak ada di dalam bahasa mereka atau pada perkara-perkara yang belum diketahui oleh mereka tetapi terdapat di kalangan bangsa-bangsa lain yang hidup di sekeliling mereka. Peminjaman ini berlaku pada nama-nama benda atau nama-nama kepada sesuatu alat yang dibawa masuk daripada negara luar seperti dari Farsi, Rum, Turki, India dan lain-lain.⁽²⁾. Juga terdapat perkataan-perkataan yang berhubung dengan ilmu pengetahuan dengan berbagai istilah yang kebanyakannya dibawa masuk melalui orang-orang ⁴Ibri dan Habsyah, kerana ramai dari kalangan mereka terdiri daripada ahli-ahli kitab.⁽³⁾

Contohnya:-

الكتُب (al-kūb)

المِسْك (al-misk)

المرْجَان (al-marjān)

الْفِرْدَوْسُ (*al-firdaus*)
 الْسِّرَاطُ (*al-sirāt*)
 الْقِرْطَاسُ (*al-qirtās*)

Di antara sebab kurangnya berlaku peminjaman pada zaman sebelum Islam ialah bahasa Arab pada waktu itu merupakan bahasa yang dapat mengatasi bahasa-bahasa lain. Ianya tidak memerlukan kepada bahasa lain semasa digunakan dalam penulisan atau percakapan. Apa yang ada di sisi mereka sudah cukup bagi memenuhi kehendak dan keperluan mereka di dalam berbagai bidang kehidupan, sama ada bidang kebudayaan, kesusasteraan, ekonomi, politik dan sebagainya.⁽⁴⁾

Walau bagaimanapun peminjaman tetap berlaku. Tetapi ianya berlaku di dalam keadaan yang terhad dan perkataan yang paling banyak dipinjam ke dalam bahasa Arab pada zaman sebelum Islam ini ialah daripada bahasa Farsi kamudian diikuti oleh bahasa Rum dan Habsyah dan sedikit dari bahasa-bahasa lain.⁽⁵⁾

Di antara contoh perkataan-perkataan yang dipinjam daripada bahasa Farsi ialah:-

الْكُوزُ (*al-kūz*)
 الْجُرْرَةُ (*al-jurrat*)
 الْطَّاسَةُ (*al-ṭasyt*).
 الْسِّنْجَابُ (*al-sinjab*).

- الْتِبَاج (al-dibāj)
 الْيَاقُوت (al-yāqūt)
 الْنَّرْجَس (al-narjas)
 الْزَّنجَبِيل (al-zanjabīl)
 الْدَّارَصِينِي (al-dāraṣīnī)
 الْعَنْبَر (al-‘anbar)

Di antara perkataan-perkataan yang dipinjam daripada bahasa Rum ialah:-

- الْفِرْدَوْس (al-firdaus)
 الْقِسْطَاس (al-qistās)
 الْبِطَاطَة (al-bitāqat)
 الْقِنْطَار (al-qintār)
 الْتِرْيَاق (al-tiryāq)
 الْقَنْطَرَة (al-qantarat)

Adapun perkataan yang dipinjam daripada perkataan Habsyah yang diketahui di kalangan ahli linguistik Arab pada ketika itu hanyalah tiga perkataan sahaja, iaitu:-

- الْكِفَلَانِ (al-kiflān)
 الْمِشْكَة (al-misykāt)
 الْهَرَاج (al-haraj)

Para ahli linguistik Arab berpendapat bahawa perkataan-perkataan berikut adalah dipinjam daripada bahasa

⁴Ibri:-

الْحَجَّ (al-hajj)

الْكَاهِنُ (al-kāhin)

الْعَاشُورَةُ (al-‘āshurā')

Terdapat juga setengah perkataan yang dipinjam daripada bahasa Sansekrit seperti:-

الصُّبْحُ (al-subh)

الْبَاهَةُ (al-bahā')

السَّفِينَةُ (al-safīnat) .⁽⁵⁾

Setelah datangnya Islam orang-orang Arab telah bertemu dan bercampur dengan berbagai-bagai bangsa dari berbagai negara. Pertemuan di antara mereka pula memakan masa yang lebih lama dan lebih meluas. Ini menyebabkan berlakunya lebih banyak peminjaman perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya.

Setelah meluasnya empayar Islam dan Islam dapat menakluki banyak negara di sekeliling Semenanjung Tanah Arab , bahasa Arab telah menjadi bahasa rasmi bagi pentadbiran kepada negara yang telah ditaklukinya . Bahasa Arablah yang membawa bendera Islam , Islam yang kaya dengan pemikiran , penuh dengan undang-undang , peraturan dan kaedah-kaedah hukum menyebabkan bahasa Arab

kaya dengan berbagai istilah . Natijah daripada perkembangan yang meluas ini selain daripada bahasa Arab telah terpinjam ke dalam bahasa lain, banyak perkataan-perkataan dari bahasa lain telah menyerap masuk ke dalam bahasa Arab melalui berbagai faktor dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan yang terdapat pada masa itu.⁽⁷⁾

3-2: FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA PEMINJAMAN.

Berlakunya peminjaman ke dalam bahasa Arab adalah melalui beberapa faktor. Antaranya:-

3-2-1: FAKTOR PERTEMBUNGAN

Sebagaimana diketahui bahwa peminjaman mempunyai hubungan langsung dengan falsafah bahasa itu sendiri dan merupakan satu fenomena yang tidak sunyi pada mana-mana bahasa di dunia ini. Bahkan jika ada sesuatu bahasa itu tidak memberi ruang kepada bahasa lain untuk berkomunikasi dengannya maka bahasa itu boleh dianggap sebagai satu bahasa yang menuju kepada kebekuan atau kepupusan.⁽⁸⁾

Dengan kata lain setiap bahasa yang ada di dunia ini pasti mengalami pertembungan dengan bahasa lain melalui para penutur antara kedua bahasa yang bertembung. Maka di antara faktor berlakunya peminjaman di dalam bahasa

Arab itu ialah pertembungan di antara penutur bahasa Arab dengan penutur bahasa lain sama ada di zaman sebelum Islam atau selepasnya.

Pertembungan bahasa timbul dari beberapa faktor, seperti penghijrahan, pengembaraan, perperangan dan sebagainya.

Sebagaimana diketahui, sejak zaman silam lagi telah wujud perhubungan yang erat di antara orang-orang Arab dengan jiran-jiran mereka, bangsa Arāmi di sebelah utara. Perhubungan ini berlaku melalui perdagangan dan penghijrahan yang dilakukan oleh mereka. Ini termasuk juga perhubungan yang dilakukan oleh bangsa Arāmi sendiri dengan penduduk dunia Arab di kawasan Hijāz itu sendiri.⁽⁹⁾

Kesan dari pertembungan ini, terdapat banyak perkataan-perkataan daripada bahasa Arāmi di dalam bahasa Arab, khususnya perkataan-perkataan berhubung dengan realiti kehidupan bandar atau hal-hal mengenai ilmu falsafah dan nama-nama benda yang tidak terdapat dalam kehidupan orang-orang Arab pada ketika itu.⁽¹⁰⁾

Pertembungan juga berlaku dengan orang-orang Yaman di sebelah selatan, penghijrahan dan pengembaraan yang dilakukan oleh orang-orang Arab untuk bermiaga dan sebagainya pada saban musim membawa kepada terjalinnya pertalian kebudayaan, ekonomi dan pertalian ugama yang begitu kukuh di antara kedua-dua belah pihak,

Lebih-lebih lagi penghijrahan ke Tanah Arab sejak zaman silam lagi oleh qabilah-qabilah dari Yaman seperti qabilah Ma'in, Aus dan Khazraj, sehingga setengah kalangan mereka terus menetap tinggal di Tanah Arab. Maka terjalinlah hubungan yang kuat di antara mereka dalam berbagai bidang kehidupan .⁽¹¹⁾.

Dengan keadaan dan suasana seperti ini, bahasa Arab telah dapat menguasai bahasa Yaman dan di waktu yang sama berlakulah perpindahan perkataan dari bahasa yang kalah ke dalam bahasa yang menang.

Kemudian pada zaman Islam, di mana pertembungan dan pergaulan di antara orang-orang Arab dengan bangsa-bangsa yang sebelum ini belum pernah terjalin atau dahulunya wujud hanya dalam keadaan sempit dan sangat terbatas menjadi begitu luas di dalam semua bidang kehidupan mereka . Sebagai contoh ialah apa yang berlaku dengan bahasa Arāmi di Syria, di Lubnan dan di Iraq, dengan bahasa Qibṭi di Mesir, dengan bahasa Barbari di utara Afrika , dengan bahasa Farsi di Iran, dengan bahasa Turki di Moghul dan dengan bahasa Qūṭi di Sepanyol, sehingga bahasa Arab pada masa itu telah menjadi bahasa penulisan dan bahasa pertuturan yang digunakan oleh berjuta manusia. Di sebalik perkembangan bahasa Arab yang begitu luas berlakulah perpindahan banyak perkataan-perkataan dari berbagai bahasa ke dalam bahasa Arab.⁽¹²⁾

Dalam pada itu tahap pertembungan dan perhubungan orang-orang Arab dengan bangsa-bangsa lain di sekitarnya adalah tidak sama dan ini menyebabkan kadar perkataan yang masuk ke dalam bahasa Arab dari bangsa-bangsa tersebut juga tidak sama .

Pertembungan mereka dengan orang-orang Farsi lebih ketara dan telah meninggal kesan-kesan yang lebih banyak kalau dibandingkan dengan lain-lain bangsa. Selain daripada perkataan Arab telah banyak masuk ke dalam bahasa Farsi perkataan bahasa Farsi juga banyak telah dipinjam ke dalam bahasa Arab.⁽¹³⁾

Setengah daripada perkataan bahasa Farsi yang dipinjam ke dalam bahasa Arab ialah perkataan-perkataan berikut:-

1) Nama-nama jenis makanan;

الطَّبَاحَةَجَة (al-ṭabāḥajat)

السِّكْبَاج (al-sikbāj)

النِّمَرَشَت (al-nimarsyat)

السِّنْبُوسَج (al-sanbūsaj)

الفَالُوزَق (al-fālūzaq)

الكَامِخ (al-kāmikh)

2) Nama-nama jenis minuman;

السِّنْكَجِيْبِين (al-sankajibīn)

الدُّسَاب (al-dusyāb)

الجِلَاب (al-jilāb)

الْمِسْتَار (al-mistār)

3) Nama-nama jenis tumbuhan;

الدّارِصِينَى (al-dāraṣīnī)

السَّدَاب (al-sadhb)

الخَرْشَف (al-kharsyaf)

الثُّوت (al-tūt)

4) Nama-nama binatang;

السَّمُور (al-samūr)

السِّنْجَاب (al-sinjab)

الفَنْك (al-fank)

الخَنْشَار (al-khansyār)

5) Istilah-istilah sains dan pertukangan;

الاسْطُولَاب (al-asturlāb)

الزَّيْخ (al-zaikh)

الزَّرْبَاب (al-zaryāb)

الإِكْسِير (al-Iksir)

الزَّرْنِيخ (al-zarnīkh). (۱۴)

Begitu juga dengan perkataan-perkataan daripada bahasa Siryani lebih banyak dipinjam ke dalam bahasa Arab kalau dibanding dengan bahasa Qibti atau Barbari.

Setengah daripada contoh perkataan-perkataan yang dipinjam daripada bahasa Siryani ialah:-

السَّامُور (al-samūr)

الدَّرْبَخَة (al-darbakha)

الْبَرَّسَاءُ (al-baransā^۹)

شُرَخَبِيلٌ (syurahbīl)

عَابِيَةٌ (‘ābiyā^{۱۰}). (۱۵)

Perkataan-perkataan daripada bahasa Qibti dan Barbari pula tidak banyak terdapat dalam bahasa Arab fasāḥah (*stonda*), tetapi ianya banyak terdapat di dalam dialek-dialek yang merata di Mesir dan utara Afrika. (۱۶)

Selain daripada perkataan yang dipinjam daripada bahasa-bahasa yang telah disebut di atas banyak lagi perkataan-perkataan yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain seperti daripada bahasa Rum, bahasa Hindi, bahasa Habsyah dan lain-lain lagi.

Perkembangan bahasa Arab tidak hanya terhenti setakat itu sahaja, bahkan ia telah berkembang dan meluas penggunaanya di seluruh kalangan umat Islam di merata daerah dan negeri, seperti di Afghanistan, Bukhara, Turkistan, Pakistan dan lain-lain lagi. (۱۷)

Bahasa Arab telah menduduki tempat yang tinggi dan mulia kerana ia merupakan bahasa al-Qurān dan Hadith Rasulullah s.a.w.. Melalui dua sumber inilah tegak dan tersebarnya Islam.

Tersusunnya buku-buku juga dengan bahasa Arab, lebih dari itu bahasa Arab menjadi bahasa ibadat kepada umat

Islam . Dari faktor-faktor ini bahasa Arab telah meninggalkan kesan yang banyak ke atas berbagai umat dan di sebalik yang demikian itu banyak perkataan-perkataan dari bangsa-bangsa tersebut telah masuk ke dalam bahasa Arab dan menjadi pinjaman kepadanya.

Pada masa berlakunya peperangan salib pula, bahasa Arab telah bertembung dengan bahasa-bahasa Eropah moden. Hasil daripada pertembungan ini juga banyak perkataan-perkataan dari bahasa tersebut telah masuk ke dalam bahasa Arab.

Di zaman moden yang penuh dengan ketamadunan dan pelbagai jenis kemajuan ini pula, makin banyak peluang-peluang pertembungan seperti di atas berlaku. Sebagai contoh ialah perhubungan kebudayaan yang erat di antara beberapa negara Eropah dengan negara-agara Arab di utara Afrika, Mesir dan Iraq. Begitu juga dengan adanya pertukaran deligasi ilmuan, bertambah ramai para pelawat Eropah yang datang dan ini semua mengakibatkan berlakunya perpindahan jumlah yang besar perkataan-perkataan bahasa-bahasa Eropah ke dalam bahasa Arab. (18)

3-2-2; FAKTOR KEPERLUAN.

Selain daripada faktor pertembungan yang menyebabkan berlakunya peminjaman perkataan-perkataan asing ke dalam

bahasa Arab, keperluan kepada bahasa-bahasa asing juga merupakan satu daripada faktor utama berlakunya peminjaman.

Di antara keperluan seperti ini ialah tidak ada perkataan-perkataan Arab yang boleh dipadankan dengan perkataan-perkataan dan istilah-istilah baru dalam berbagai bidang ilmu.

Keadaan ini timbul di sebabkan bertambah kerapnya berlaku pertembungan antara bahasa Arab dengan bahasa-bahasa Eropah dan juga bertambah banyaknya penemuan-penemuan baru dalam berbagai perkara khususnya dalam bidang ilmu sains dan teknologi. Orang-orang Arab dalam setengah keadaan terpaksa menggunakan perkataan-perkataan dan istilah-istilah asing untuk memenuhi keperluan seperti ini.⁽¹⁹⁾

Dari sudut lain pula peminjaman adalah perlu sebagai satu cara penyelesaian ketika berlakunya kerumitan untuk memindah hasil pemikiran dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain, yang mana pemikiran yang tersirat di dalam sesuatu perkataan itu kadang-kadang tidak tercapai maksudnya apabila tidak dilakukan pemindahan perkataan itu sendiri ke dalam bahasa peminjam. Hanya dengan cara memindahkan perkataan itu sendiri kerumitan itu akan selesai.⁽²⁰⁾

Di antara faktor yang mendorong berlakunya peminjaman ini juga ialah untuk memenuhi kehendak dan keperluan sesebuah masyarakat itu sendiri, kerana sesebuah masyarakat yang menuju kepada kemajuan itu begitu berhajat kepada penambahan perkataan, bahkan mereka memerlu ribuan perkataan baru untuk memenuhi kehendak semasa, lebih-lebih lagi zaman yang dikenali dengan zaman perkembangan berbagai ilmu dan zaman lahirnya berbagai bentuk rekaan ini.⁽²¹⁾

Di antara faktor lain berlakunya peminjaman dalam bahasa Arab ialah keghairahan atau tertarik hati seseorang penutur bahasa Arab terhadap bahasa asing, kerana pada kebiasaananya seseorang itu menganggap bahasa yang dipercakapkan itu adalah miliknya dan ia merasa berhak untuk menambah apa saja yang ia kehendaki. Jadi apabila ia merasa baik pada pendapatnya, menyebabkan ia memasukkan perkataan asing ke dalam bahasanya sendiri. Oleh itu kita sering dapati seseorang yang berpengetahuan dengan bahasa asing, semasa ia bercakap atau menulis dengan menggunakan bahasa ibundanya sendiri; ia suka menambah atau menggunakan beberapa perkataan daripada bahasa asing tersebut. Kadang-kadang ia mengira tindakan sedemikian sebagai satu kesempurnaan kepada bahasanya atau merasa megah dengan berbuat demikian. Sebaliknya kita dapati apabila seseorang itu bertutur dengan menggunakan bahasa asing jarang ia mencampurkan

bahasa ibundanya ke dalam bahasa tersebut, ini mungkin kerana takut menampakkan kelemahannya sendiri.

Sebagai bukti di dalam perkara seperti ini, jelas kita dapati di kalangan para penulis dan sasterawan Arab yang dapat menguasai bahasa asing dengan baik, di waktu mana mereka menulis mereka telah meminjam perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab. Tetapi sebaliknya di waktu mana menggunakan bahasa asing tidak pula mereka memasukkan bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa tersebut.

Begitu juga dengan para penulis bangsa Farsi di zaman pemerintahan Islam ke atas negara mereka, banyak terdapat buku-buku yang ditulis oleh mereka dengan menggunakan bahasa Farsi, tetapi oleh kerana mereka mengetahui bahasa Arab maka banyak terdapat perkataan-perkataan Arab telah dipinjam ke dalam buku-buku tersebut.⁽²²⁾

Di antara para penulis dan ahli linguistik Arab yang dapat menguasai banyak bahasa ialah Sibawaih. Beliau adalah pengarang buku "al-Kitāb" yang merupakan kitab yang utama sampai kepada kita mengenai ilmu nahu, beliau mengetahui bahasa Farsi.⁽²³⁾

Begitu juga dengan al-Sairafiy, beliau ialah orang yang mula-mula mengarang syarah kepada buku "al-Kitāb"

karangan Sibawaih, beliau juga tahu bahasa Farsi. ⁽²⁴⁾

Abū al-Faraj bin al-‘Ibri salah seorang ahli sejarah dan juga ahli linguistik Arab, beliau mengetahui bahasa ‘Ibri dan Siryani . Beliau mengarang menggunakan bahasa Siryani dan bahasa Arab. ⁽²⁵⁾

Setengah daripada faktor berlakunya peminjaman ialah tertubuhnya dewan-dewan, khususnya pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb. Setelah negara Islam meluas dengan begitu cepat, banyak negara telah dapat dibuka dan menyebabkan banyak harta-harta telah dapat ke tangan pemerintahan Islam. Hal tersebut menyebabkan Khalifah ‘Umar telah menubuh dan menyusun dewan-dewan bagi melicinkan pentadbiran negara khususnya mengenai penyusunan harta, di antaranya yang dinamakan *Dewan al-Jaisy*.

Ada di antara dewan-dewan ini tidak ditulis dengan bahasa Arab, tetapi ditulis dengan bahasa rasmi bagi para penduduk kepada sesebuah negara yang ditakluki itu. Umpamanya ditulis dengan bahasa Farsi bagi penduduk di Iraq dan Farsi, ditulis dengan bahasa Rum bagi negara Syam, ditulis dengan bahasa Qibti dan Rum bagi negara Mesir.

Keadaan seperti ini terus berkekalan sehingga zaman pemerintahan kerajaan Umawiyah. pada masa itu

barulah dewan-dewan tersebut ditukar atau diterjemahkan kepada bahasa Arab.⁽²⁶⁾

Di dalam proses penterjemahan ke atas dewan-dewan tersebut sudah tentu berlakunya pemindahan perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab. Ini bererti kemasukan perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab telah menjadi perkara biasa terutama perkataan-perkataan yang berhubung dengan istilah-istilah mengenai ilmu hisab, ilmu ukur, sukatan, timbangan, juga ilmu-ilmu mengenai pertanian, ekonomi dengan berbagai istilah yang belum terdapat di dalam bahasa Arab.⁽²⁷⁾

3-2-3; FAKTOR TERJEMAHAN.

Dalam kurun pertama zaman pemerintahan Islam, penyelidikan dan pengkajian bahasa Arab boleh dikatakan tertumpu di sekitar al-Qurān dan Sunnah Rasulullah s.a.w. sebagai tempat rujuk oleh umat Islam, kemudian terus meluas berkembang kepada ilmu-ilmu lain seperti ilmu fiqh, uṣūl al-fiqh, tafsir al-Qurān, sejarah dan lain-lain lagi.

Negeri-negeri yang baru ditakluki oleh orang-orang Islam pada ketika itu penuh dengan berbagai-bagai kebudayaan dan ketamadunan. Ilmu-ilmu seperti ilmu

falsafah dan ilmu sains merupakan di antara ilmu yang terpenting dipindahkan ke dalam negara Arab pada ketika itu. Ini bermakna dengan sendirinya berlaku penterjemahan daripada bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Para penyelidik dan penterjemah pada ketika itu terdiri dari kalangan orang-orang Arab dan bukan Arab dan mereka telah menyelami berbagai-bagai ilmu dan kebudayaan serta penuh dengan pengalaman.

Bermulanya kerja penterjemahan secara teratur di dalam ilmu-ilmu tersebut tadi ialah pada zaman pemerintahan kerajaan Umayyah. Khalid bin Yazid bin Mu'awiyah salah seorang pemimpin yang mempunyai banyak kelebihan dan berhimat tinggi. Beliau sangat cinta kepada ilmu pengetahuan . Pada masa itu beliau telah berusaha menghimpun para ahli falsafah Yunani yang tinggal di Mesir dan mereka ini telah dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Khalid telah menyuruh mereka membawa masuk buku-buku dalam berbagai bidang ilmu yang ditulis dengan bahasa Yunani dan Qibti supaya mereka menterjamahkannya ke dalam bahasa Arab. (28)

Pada zaman pemerintahan kerajaan 'Abbāsiah pula kerja-kerja perterjemahan ini berkembang dengan lebih pesat dan telah mendapat perhatian yang lebih kuat, ketika mana pihak pemerintah sendiri telah membawa masuk dengan banyaknya kitab-kitab asing dan meminta para

penterjemah menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab.

Di antara mereka yang terkenal sebagai penterjemah pada masa ini ialah Ibn al-Muqaffa²⁹, Musa dan Yusuf (*kedua-duanya anak kepada Khalid bin Yazid bin Mu'āwiah*) dan ramai lagi. Mereka ini telah menterjemahkan buku-buku yang ditulis dengan bahasa Farsi ke dalam bahasa Arab.⁽²⁹⁾

Manakala Ibn Mankah al-Hindi dan Ibn Duhn adalah di antara penterjemah buku-buku yang ditulis dengan bahasa Hindi ke dalam bahasa Arab.⁽³⁰⁾

Di antara penterjemah yang terkenal pada zaman ini juga ialah Māsarjuwaih. Beliau telah membawa masuk kitab "Ahrān" sebuah kitab mengenai ilmu perubatan yang ditulis dalam bahasa Siryani.⁽³¹⁾

Selepas Islam menakluki empayar Rum, banyak buku-buku telah dipindahkan dari sana ke pusat pemerintahan 'Abbasiah. Seorang Khalifah ketika itu telah meminta kepada Yuhānā bin Masāwih supaya menterjemahkan buku-buku asing dalam berbagai ilmu ke dalam bahasa Arab. Di zaman pemerintahan Khalifah Al-Ma'mun, beliau telah melantik Ishāq bin Ḥunain sebagai ketua penterjemah bagi mengganti tempat Yuhānā bin Masāwih . Ishāq bin Ḥunain telah menterjemahkan buku "Kitāb al-Siyāsat" karangan Aflātūn. Ishāq bin Ḥunain

ini ialah seorang yang dapat menguasai berbagai bahasa, di samping bahasa Arab beliau dapat menguasai bahasa Siryani, bahasa Yunani dan bahasa Farsi.⁽³²⁾

Kesan daripada kerja-kerja penterjemahan buku-buku asing yang begitu banyak dan meluas ini sudah tentu menyebabkan banyak perkataan-perkataan asing telah terpinjam ke dalam bahasa Arab .

Apabila teori-teori dan istilah-istilah berbagai bidang ilmu yang disusun dalam berbagai bahasa diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, sudah tentu bahasa Arab tidak mampu untuk mengganti tempat kepada kesemua jenis istilah yang diterjemahkan, dan akhirnya terpaksa dipinjamkan berbagai istilah ke dalam bahasa Arab. Peminjaman sebegini juga bertujuan supaya ilmu yang telah diterjamahkan itu mudah difahami dan boleh dimanfaatkan.

Untuk tujuan inilah maka kita dapati lahirnya ulama-ulama yang menyusun buku-buku khusus, dihimpun di dalamnya berbagai bentuk istilah. Mereka cuba pula menjelas maksud setiap istilah bagi membantu para penterjemah, pengkaji dan para pembaca. Misalnya Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Yūsuf al-Khuwārazmiy, beliau telah menyusun sebuah buku bertajuk "Mafātiḥ al-Ūlūm".⁽³³⁾

Dari penjelasan dan keterangan serta contoh yang

telah dikemukakan, adalah jelas menunjukkan penterjemahan itu merupakan salah satu faktor utama berlakunya peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab.

oooooooooooooooooooo

NOTA KAKI

- (1) Lihat Muḥammad al-Mubārak, *Fiqh al-Lughat Wa Khasa'is al-'Arabiyyat*, h.239.
- (2) Lihat ibid, h.239.
- (3) Lihat Jurjī Zaidān, *Tārikh al-Lughat al-'Arabiyyat*, h.6, al-Āntākiy, *al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat*, h.444.
- (4) Lihat "Abd al-Rahman Hammād, Dr., *"Awāmil al-Tatāwwur al-Lughawiy*, h.93.
- (5) Lihat al-Āntākiy, *al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat*, h.444.
- (6) Lihat ibid, h.445.
- (7) Lihat ibid, h.295.
- (8) Lihat Riyādh Qāsim, Dr., *Ittijāhāt al-Bahth al-Lughawiy al-Hadīth Fi al-'Ālam al-'Arabiyy*, h.153.
- (9) Lihat "Abd al-Wāhid Wāfi, Dr., *Fiqh al-Lughat*, h.200.
- (10) Lihat ibid, h.200 dan h.127-128.
- (11) Lihat ibid, h.200.
- (12) Lihat "Abd al-Wāhid Wāfi, Dr., *Fiqh al-Lughat*, h.129.

- (13) Lihat ibid, h.130.
- (14) Lihat al-Khafājiy, Syifā' al-Ghalīl, h.18,19,20 dan 21.
- (15) Lihat al-Sayūtiy, al-Muzhir, h.282 dan 283.
- (16) Lihat 'Abd al-Wāhid Wāfi, Dr., Fiqh al-Lughat al-'Arabiyyat, h.130.
- (17) Lihat ibid, h. 130.
- (18) Lihat ibid, h.131.
- (19) Lihat Riyādh Qāsim, Dr., Ittijāhat al-Baḥth al-Lughawiy al-Hadīth Fī al-Ālam al-'Arabiyy, h.154.
- (20) Lihat ibid, h.154.
- (21) Lihat ibid, h.156.
- (22) Lihat Ibrāhīm Anīs, Dr., Min Asrār al-Lughat, h.118.
- (23) Lihat Maḥmūd Faḥmi Ḥijāziy, Dr., Ilmu al-Lughat al-'Arabiyyat, h.122.
- (24) Lihat ibid, h.122.
- (25) Lihat ibid, h.122.
- (26) Lihat al-Syalqāniy, Masādir al-Lughat, h.541.
- (27) Lihat ibid, h.541.

- (28) Lihat Ibn Nadīm, al-Fihrasat. Cetakan al-Rahmat, h.338.
- (29) Lihat al-Syālqāniy, Masādir al-Lughat, h.542.
- (30) Lihat ibid, h.542.
- (31) Lihat ibid, h.543.
- (32) Lihat ibid, h.542. Ibn Abī Asbaṭih, Tabaqāt al-Ṭabibā, h.302-304.
- (33) Lihat al-Syālqāniy, Masādir al-Lughat, h.544.

oooooooooooooooooooo